

KWAP pemilik aset pertama penandatanganan Kod Malaysia

» *Penyertaan bantu pelabur institusi ke arah tadbir urus korporat baik.*

Oleh Mahanum Abdul Aziz
mahanum_aziz@bh.com.my

Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan) atau KWAP muncul sebagai pemilik aset pertama di Malaysia menjadi penandatanganan untuk Kod Malaysia bagi Pelabur Institusi.

Kod itu dilancarkan secara bersama oleh Suruhanjaya Sekuriti Malaysia (SC) dan Badan Pengawas Pemegang Saham Minoriti (MSWG) pada tahun lalu bagi membantu pelabur institusi memenuhi tanggungjawab pengawasan mereka melalui pengaruh dan penggalakkan budaya tadbir urus korporat yang baik dalam syarikat pelaburan mereka.

Ketua Pegawai Eksekutif KWAP, Wan Kamaruzaman Wan Ahmad, berkata pihaknya gembira menjadi penandatanganan kepada kod berkenaan dan berharap pengurus aset utama lain di negara ini akan turut menjejaki langkah pengurus dana pencen itu untuk menjadi penandatanganan Kod Malaysia bagi Pelabur Institusi.

Beliau berkata, dengan menjadi penandatanganan bagi kod itu secara langsung mengesahkan komitmen KWAP menjadi pelabur yang bertanggungjawab dan telus.

“Bagi mereka yang belum menjadi penandatanganan kepa-



Wan Kamaruzaman dan Rita Benoy pada majlis menandatangani Kod Malaysia bagi Pelabur Institusi di ibu negara, semalam.

(FOTO SALHANI IBRAHIM/BH)

da kod ini, saya menasihatkan supaya mereka berjumpa dengan MSWG untuk mendapat penjelasan lanjut mengenai kod ini,” katanya pada sidang media selepas majlis menandatangani kod itu.

Majlis memeterai kod itu diadakan di Ibu Pejabat MSWG di Kuala Lumpur, semalam. Yang hadir sama, Ketua Pegawai Eksekutif MSWG, Rita Benoy Bushon.

Tujuh penandatanganan

Mengulas lanjut mengenai Kod Malaysia bagi Pelabur Institusi, Rita berkata, setakat ini sudah ada tujuh penandatanganan bagi kod itu sejak kod itu dilancarkan pada 27 Jun tahun lalu.

Beliau berkata, pihaknya berharap lebih banyak syarikat pengurus dan pemilik aset

MSWG melihat penyertaan KWAP sebagai penandatanganan Kod Malaysia bagi Pelabur Institusi ini menandakan peristiwa penting dalam landskap tadbir urus korporat di negara ini”

Rita Benoy Bushon,
Ketua Pegawai Eksekutif
MSWG

utama akan menjadi penandatanganan kod itu selepas ini.

Katanya, pihaknya mengalu-alukan KWAP dengan komitmen dan kepimpinannya untuk mengguna pakai kod itu, sekali gus menunjukkan kesungguhan mereka ke arah tadbir urus korporat yang baik.

“MSWG melihat penyertaan KWAP sebagai penandatanganan Kod Malaysia bagi Pelabur Institusi ini menandakan peristiwa penting dalam landskap tadbir urus korporat di negara ini,” katanya.

Kod itu dilancarkan bertujuan untuk menetapkan prinsip yang luas bagi pengendalian berkesan oleh pelabur institusi seperti penzahiran dasar pengendalian, pengawasan dan pembabitan dengan syarikat pelaburan serta menguruskannya konflik kepentingan.